

HUBUNGAN KEMAHIRAN ICT GURU DAN PENGURUSAN PENGETAHUAN
DI SEKOLAH RENDAH DI ZON SKUDAI, JOHOR

SUGUNAH A/P SUPERMANE

Laporan projek ini dikemukakan sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat
penganugerahan Ijazah Sarjana Pendidikan (Pengurusan dan Pentadbiran)

Fakulti Pendidikan
Universiti Teknologi Malaysia

Disember 2010

*Khas untuk suami Ramani Bangaraiyah,
anak-anak Sarvesh Rao
dan Rupaashri Rao serta
ibu, ayah, ibu mertua, bapa mertua,
Vani Bangaraiyah, abang dan adik tersayang.
Terima kasih atas segala pengorbanan dan sokongan.*

PENGHARGAAN

Bersyukur kepada Tuhan Yang Maha Berkuasa kerana dengan izin dan kurniaNya, saya dapat menyempurnakan penyelidikan ilmiah ini dengan baik dan lengkap bagi memenuhi syarat penganugerahan Ijazah Sarjana Pendidikan (Pengurusan dan Pentadbiran).

Pada kesempatan ini, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada penyelia saya, Dr. Mohd Anuar Bin Abdul Rahman atas jasa baik beliau dalam memberi bimbingan dan tunjuk ajar sepanjang tempoh menjalankan kajian ini.

Ingin saya rakamkan ribuan terima kasih kepada semua guru besar dan responden kajian iaitu para guru yang mengajar di sekolah rendah di sekitar Skudai kerana sudi memberi kerjasama dalam menjawab borang soal selidik yang diedarkan.

Penghargaan ini juga tidak saya lupa untuk dirakamkan kepada rakan seperjuangan yang memberi bantuan secara langsung dan tidak langsung dalam membantu menjayakan penyelidikan ini.

ABSTRAK

Kajian deskriptif yang berbentuk tinjauan ini dijalankan bagi melihat hubungan kemahiran ICT guru dan pengurusan pengetahuan di sekolah rendah di Zon Skudai. Soalselidik dibina daripada Modul Latihan Kemahiran ICT UNESCO (2003)(Kemahiran ICT) dan model pengurusan pengetahuan Jennex dan Murray (2005)(Pengurusan Pengetahuan) digunakan sebagai instrumen kajian. Hasil kajian rintis menunjukkan Alpha Cronbach 0.967 bagi kemahiran ICT dan 0.945 bagi pengurusan pengetahuan. Seramai 265 responden kajian telah dipilih secara rawak mudah dari 3 buah sekolah kebangsaan, 2 buah sekolah jenis kebangsaan Cina dan sebuah sekolah kebangsaan Tamil. Data-data dianalisis menggunakan aplikasi *SPSS 16.0*. Hasil kajian menunjukkan tahap kemahiran ICT dan pengurusan pengetahuan guru-guru sekolah rendah berada pada tahap sederhana. Kajian ini turut menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan berdasarkan faktor demografi dalam elemen-elemen kemahiran ICT guru dan juga dalam dimensi-dimensi pengurusan pengetahuan. Hubungan positif sederhana wujud di antara kemahiran ICT dan pengurusan pengetahuan guru di sekolah. Sebagai kesimpulan, pengkaji turut mencadangkan beberapa program bimbingan dan tunjuk ajar kemahiran ICT dan pengurusan pengetahuan di sekolah.

ABSTRACT

This study was carried out as a descriptive survey to determine the relationship between teachers' ICT skills and knowledge management practice in primary schools in Skudai Zone. The questionnaire used for the study was created using a Module of ICT Skills Practice by UNESCO (2003) and the model of knowledge management by Jennex and Murray (2005). The Alpha Cronbach value for the pilot test conducted was measured at 0.967 for teachers' ICT skills and 0.945 for knowledge management practice. 265 teachers from three national schools, two Chinese schools and one Tamil school were chosen randomly to answer the questionnaire. The collected data was analyzed by using *SPSS 16.0* program ICT skill. The outcome of the research indicates moderate teachers' ICT skills and knowledge management practice in primary schools. This study also showed that there were significant differences of the teachers' ICT skills and knowledge management practice according to the teachers' demography factors. In the final analysis, the study showed that there was a moderate positive relationship existed between teachers' ICT skills and knowledge management practice in schools. As a conclusion, the researcher suggested a few ICT skills and knowledge management guidance programs to be conducted in schools.

KANDUNGAN

BAB	PERKARA	MUKA SURAT
	PENGESAHAN STATUS TESIS	
	PENGESAHAN PENYELIA	
	JUDUL KAJIAN	i
	PENGAKUAN	ii
	DEDIKASI	iii
	PENGHARGAAN	iv
	ABSTRAK	v
	ABSTRACT	vi
	KANDUNGAN	vii
	SENARAI JADUAL	xii
	SENARAI RAJAH	xiv
	SENARAI SINGKATAN	xv
	SENARAI LAMPIRAN	xvi
1	PENDAHULUAN	1
	1.1 Pengenalan	1
	1.2 Latar belakang masalah	3
	1.3 Pernyataan masalah	5
	1.4 Objektif kajian	7
	1.5 Persoalan kajian	7
	1.6 Hipotesis kajian	8
	1.7 Rasional kajian	9
	1.8 Kepentingan kajian	9
	1.9 Skop dan Batasan kajian	10

1.10	Kerangka Konseptual kajian	11
1.11	Definisi kajian	12
1.11.1	Kemahiran ICT	12
1.11.2	Pengurusan Pengetahuan	12
1.11.3	Sekolah rendah	13
1.12	Rumusan	13
2	KAJIAN LITERATUR	14
2.1	Pengenalan	14
2.2	Kemahiran ICT	14
2.2.1	Penggunaan ICT Di Kalangan Guru	15
2.3	Konsep Pengetahuan	17
2.3.1	Pengurusan Pengetahuan	19
2.3.2	Konsep Pengurusan Pengetahuan	21
2.3.3	Model-model Pengurusan Pengetahuan	22
2.4	Penggunaan ICT Dalam Pengurusan Pengetahuan	28
2.5	Hubungan Kemahiran ICT Dengan Pengurusan Pengetahuan Di Sekolah	29
2.6	Rumusan	31
3	METODOLOGI KAJIAN	32
3.1	Pengenalan	32
3.2	Reka bentuk kajian	32
3.3	Populasi dan Sampel kajian	33
3.4	Instrumen kajian	35
3.5	Kajian rintis	37
3.6	Prosedur kajian	37
3.7	Analisis data	39
3.8	Rumusan	41

4	ANALISIS DATA	42
4.1	Pengenalan	42
4.2	Analisis Data Bahagian A: Latar belakang responden	42
4.3	Analisis Data Bahagian B: Berdasarkan persoalan kajian	46
4.3.1	Analisis Persoalan Kajian 1: Tahap kemahiran ICT guru-guru di sekolah rendah di Zon Skudai, Johor.	46
4.3.2	Analisis Persoalan Kajian 2: Tahap pengurusan pengetahuan di sekolah rendah di Zon Skudai, Johor.	50
4.4	Analisis Berdasarkan hipotesis kajian	56
4.4.1	Hipotesis 1: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam tahap kemahiran ICT guru berdasarkan faktor jantina	56
4.4.2	Hipotesis 2: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam kemahiran ICT guru berdasarkan faktor pengkhususan matapelajaran guru	58
4.4.3	Hipotesis 3: Tidak terdapat Perbezaan yang signifikan dalam kemahiran ICT guru berdasarkan faktor jenis sekolah	60
4.4.4	Hipotesis 4: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam pengurusan pengetahuan berdasarkan faktor jantina guru	61
4.4.5	Hipotesis 5: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam pengurusan	63

	pengetahuan berdasarkan faktor pengkhususan matapelajaran guru	
	4.4.6 Hipotesis 6: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam pengurusan pengetahuan berdasarkan faktor jenis sekolah guru	65
	4.4.7 Hipotesis 7: Tidak terdapat perhubungan yang signifikan di antara kemahiran ICT guru dengan pengurusan pengetahuan di sekolah	67
	4.5 Rumusan	68
5	RUMUSAN, PERBINCANGAN DAN CADANGAN	69
	5.1 Pengenalan	69
	5.2 Rumusan	69
	5.3 Perbincangan dan Kesimpulan	71
	5.3.1 Kemahiran ICT Dalam Kalangan Guru Sekolah Rendah	71
	5.3.2 Proses Pengurusan Pengetahuan Di Sekolah Rendah	72
	5.3.3 Hubungan Kemahiran ICT Dengan Pengurusan Pengetahuan Di Sekolah Rendah di Zon Skudai, Johor	75
	5.4 Cadangan Tindakan	76
	5.4.1 Jabatan Pendidikan Negeri	76
	5.4.2 Sekolah	77
	5.4.3 Guru	78
	5.4.4 Cadangan Kajian Lanjut	79
	5.5 Penutup	80

RUJUKAN	82
LAMPIRAN A-E	87-100

SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	PERKARA	MUKA SURAT
3.1	Jumlah guru-guru di sekolah rendah di Zon Skudai, Daerah Johor Bahru bagi tahun semasa 2010	34
3.2	Jadual Pembahagian Item-item Dalam Soalselidik	35
3.3	Jadual Penggunaan Statistik Dalam Menganalisis Data Mengikut Persoalan Kajian	39
3.4	Selang Skala Min	40
3.5	Indeks Pekali Kolerasi	41
4.1	Taburan responden mengikut jantina	43
4.2	Taburan responden mengikut umur	43
4.3	Taburan responden mengikut bangsa	44
4.4	Taburan responden mengikut pengkhususan matapelajaran	44
4.5	Taburan responden mengikut jenis sekolah	45
4.6	Taburan responden mengikut tempoh perkhidmatan	45
4.7	Purata Skor Min Elemen-elemen Kemahiran ICT	46
4.8	Aspek Literasi Komputer Asas guru-guru di sekolah rendah yang lengkap di sekolah	47
4.9	Aspek Penggunaan Alatan Dan Perisian ICT guru-guru di sekolah rendah	48
4.10	Aspek Pengintegrasian ICT Dan Rangkaian Hubungan guru-guru di sekolah rendah	49
4.11	Purata Keseluruhan Kemahiran ICT guru-guru di sekolah rendah	50
4.12	Purata Skor Min Dimensi-Dimensi Pengurusan Pengetahuan di sekolah rendah	50

SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	PERKARA	MUKA SURAT
4.13	Pengumpulan Maklumat di sekolah rendah	51
4.14	Penapisan Dan Penambahbaikan di sekolah rendah	52
4.15	Penyimpanan Dan Pemerolehan Semula di sekolah rendah	53
4.16	Penyebaran Pengetahuan di sekolah rendah	54
4.17	Persembahan Dan Penggunaan Pengetahuan Baru di Sekolah rendah	55
4.18	Purata Keseluruhan Pengurusan Pengetahuan di sekolah rendah	56
4.19	Analisis Ujian-t kemahiran ICT guru berdasarkan faktor jantina guru	57
4.20	Analisis ANOVA sehalu kemahiran ICT guru berdasarkan faktor pengkhususan matapelajaran	59
4.21	Analisis ANOVA sehalu kemahiran ICT guru berdasarkan faktor jenis sekolah	60
4.22	Analisis Ujian-t pengurusan pengetahuan berdasarkan faktor jantina guru di sekolah	62
4.23	Analisis ANOVA sehalu pengurusan pengetahuan berdasarkan faktor pengkhususan matapelajaran guru	64
4.24	Analisis ANOVA sehalu pengurusan pengetahuan berdasarkan faktor jenis sekolah	66
4.25	Hubungan di antara kemahiran ICT guru dengan Pengurusan pengetahuan di sekolah	67

SENARAI RAJAH

NO. RAJAH	PERKARA	MUKA SURAT
1.1	Kerangka Konseptual Kajian	11
2.1	Data, Informasi dan Pengetahuan	21
2.2	Model Pengurusan Pengetahuan Nonaka Dan Takeuchi	22
2.3	Model Pengkategorian Pengetahuan Boisot	25
2.4	Model Pengurusan Pengetahuan Demerset	25
2.5	Model Pengurusan Pengetahuan David J. Skyrme	26
2.6	Model Pengurusan Pengetahuan Jennex and Murray	27
3.1	Prosedur Kajian	38

SENARAI SINGKATAN

MSC	-	Koridor Raya Multimedia
ICT	-	Teknologi Maklumat dan Komunikasi
KPM	-	Kementerian Pelajaran Malaysia
UNESCO	-	United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization
LCD	-	Projektor Paparan Cecair Kristal
KPLI	-	Kursus Perguruan Lepas Ijazah
Bil	-	Bilangan
No	-	Nombor
JPN	-	Jabatan Pelajaran Negeri
JPNJ	-	Jabatan Pelajaran Negeri Johor
SPSS	-	<i>Statistical Package for Social Sciences</i>
P&P	-	Pengajaran dan Pembelajaran
f	-	Frekuensi

SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN	PERKARA	MUKA SURAT
A	Surat kebenaran Bahagian Perancangan dan Penyelidikan	87
B	Surat kebenaran Jabatan Pelajaran Johor	89
C	Jadual Penentuan Sampel Saiz Sampel	90
D	Borang soal selidik	91
E	Kesahan soal selidik	97

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Kecemerlangan sesebuah sekolah bermula dengan penentuan visi dan misi yang realistik dan komited. Dalam hal ini, hampir semua sekolah di Malaysia bermatlamat untuk melahirkan insan yang berjaya dalam pengurusan alaf baru dan teknologi. Setiap sekolah mempunyai strategi masing-masing dalam membawa sekolah ke tahap gemilang. Keperluan untuk membangunkan keprofesionalisme perguruan berasaskan pengetahuan dan teknologi maklumat merupakan satu strategi yang amat digalakkan dalam menjadikan Malaysia sebagai negara maju dan berpengetahuan tinggi menjelang tahun 2020 (Edisi Pelancaran, 2001). Guru-guru kini dapat bekerjasama dalam menjalankan tugas harian masing-masing dengan adanya pengurusan pengetahuan.

Pengurusan pengetahuan merupakan strategi utama kebanyakan organisasi termasuk sekolah dalam memudahkan pembangunan. Gartner Group (2002), menyatakan bahawa pengurusan pengetahuan merupakan satu disiplin yang melibatkan integrasi pengenalanpastian, pengurusan dan perkongsian maklumat sesebuah organisasi. Maklumat-maklumat ini boleh terdiri daripada pangkalan data, dokumen, polisi dan prosedur di samping pengalaman, kemahiran dan kepakaran dalaman yang terdapat pada kakitangan sesebuah organisasi. Pengurusan pengetahuan yang betul dapat memudahkan proses pembangunan, pengumpulan, perancangan, penyebaran, penggunaan dan pemanfaatan sesuatu pengetahuan.

Pada masa yang sama, Loudon dan Loudon (1997) telah menyatakan bahawa pengurusan pengetahuan dan ICT adalah elemen-elemen yang berkait rapat diantara satu sama lain dan tidak dapat dipisahkan. Menyedari hakikat ini, kerajaan Malaysia telah mengambil inisiatif untuk terus memperkembangkan teknologi komunikasi dan maklumat dengan menubuhkan Koridor Raya Multimedia (MSC). Salah satu daripada tujuh aplikasi yang terkandung dalam MSC ialah penubuhan sekolah bestari (Edisi Pelancaran, 2006). Transformasi pendidikan yang dilakukan itu telah mengubah anjakan paradigma pengajar dalam proses pengajaran dan pembelajaran dalam meningkatkan minat, kreativiti dan juga pengetahuan pelajar. Segala perkara di atas dapat direalisasikan jika sekolah-sekolah di Malaysia mempraktikkan pengurusan pengetahuan.

Kesedaran pihak sekolah terhadap kepentingan pengurusan pengetahuan di sekolah sangat mustahak kerana pengetahuan yang sangat banyak memerlukan usaha yang lebih teratur untuk diuruskan agar mudah diperolehi apabila diperlukan. Selain itu, pengurusan pengetahuan juga dianggap berguna dalam menyalurkan pengetahuan sediaada kepada semua guru dengan lebih cepat dan berkesan. Penggunaan pengurusan pengetahuan di sekolah turut dapat membantu pengurusan situasi atau masalah yang dihadapi dalam sesebuah sekolah dengan lebih baik berdasarkan pengetahuan semua pihak dalam sekolah dan tidak hanya berasaskan pengetahuan peribadi.

Menurut Al-Hawandeh (2005), pengurusan pengetahuan kini menjadi faktor penting dalam meningkatkan kompetitif diri (Al-Hawandeh, 2005). Pengetahuan atau pengalaman seseorang individu yang didokumenkan melalui proses pengurusan pengetahuan dapat membantu guru-guru lain dalam mempelajari sesuatu walaupun individu tersebut tidak lagi wujud dalam sekolah itu. Menyedari akan hakikat kepentingan pengurusan pengetahuan dalam pembangunan sesebuah sekolah, maka pihak sekolah perlu berusaha dalam melengkapkan diri dengan kemahiran-kemahiran pengurusan pengetahuan. Keberkesanan dan kecekapan pengadaptasian pengurusan pengetahuan sangat dipengaruhi oleh sikap dan tahap kemahiran ICT guru-guru di sekolah.

1.2 Latarbelakang Masalah

Walaupun pengurusan pengetahuan tidak digunakan secara meluas pada tahun 80-an, kini pengurusan pengetahuan menjadi satu aspek penting dalam menerajui pengurusan alaf baru berteknologi dalam sesebuah organisasi. Menurut Buey et.al (2006), Datuk Seri Abdullah bin Ahmad Badawi telah menekankan pengurusan ilmu pengetahuan sejak tahun 2005 lagi. Beliau telah menyatakan bahawa pengurusan pengetahuan mampu mengenalpasti serta mengukur modal insan dalam sesebuah organisasi.

Datuk Seri Najib Tun Razak pula telah menggariskan tiga faktor dalam membangunkan pengurusan pengetahuan. Faktor pertama ialah menjadikan pengurusan pengetahuan sebagai alat berkesan bagi meningkatkan penyampaian perkhidmatan untuk rakyat. Seterusnya, faktor kedua ialah pengetahuan perlu menjadi platform pelancar untuk memperkukuhkan kerjasama antara sektor awam dan swasta. Faktor ketiga pula, ialah model pengurusan pengetahuan yang dibangunkan dalam konteks suasana barat mesti disesuaikan mengikut budaya dan norma sosial negara ini. Menurut beliau, langkah pengurusan pengetahuan ini dapat menyediakan negara bagi mencapai wawasan 2020 (Utusan Malaysia, 13 September 2006).

Guru-guru di sekolah berperanan penting dalam meningkatkan pencapaian prestasi murid-murid dalam bidang akademik dan juga kokurikulum. Di sebalik usaha meningkatkan prestasi murid-murid, guru-guru turut dipertanggungjawabkan dengan tugas-tugas pengkeranian dan pendokumentasian. Tugas-tugas pendokumentasian ini pula seringkali dihubungkan dengan keprofesionalisme perguruan. Pengurusan dokumen-dokumen serta maklumat-maklumat dengan menggunakan ICT turut membanggakan sesebuah sekolah. Keperluan ini juga akan meningkatkan lagi keupayaan para guru untuk lebih kreatif dan inovatif. Sekolah-sekolah di Malaysia sudahpun dilengkapi dengan kemudahan ICT. Guru-guru juga telah didedahkan dengan konsep serta penggunaan ICT secara berkala.

Walaupun pengurusan pengetahuan memudahkan penggunaan dan perkongsian bahan-bahan dan pengalaman, ia masih dianggap baru di kebanyakan

sekolah. Oleh yang demikian, ramai yang kurang menunjukkan minat dalam bidang sekolah. Oleh yang demikian, ramai yang kurang menunjukkan minat dalam bidang ini (Al-Hawandeh, 2005). Menurut satu kajian antarabangsa yang dijalankan oleh Ernst & Young pada tahun 1996, isu budaya dan pengurusan adalah isu-isu kritikal yang wujud dalam perancangan dan pelaksanaan pengurusan pengetahuan di sesebuah sekolah.

Polisi dan strategi pelaksanaan pengurusan pengetahuan di sekolah juga tidak jelas memandangkan pihak pengurusan seperti guru besar masih belum didedahkan secara menyeluruh terhadap pengurusan pengetahuan. Manakala, ada diantara sekolah yang telah jauh ke depan dalam bidang ini dan mempunyai polisi serta strategi-strategi tertentu dalam pelaksanaan pengurusan pengetahuan di sekolah masing-masing. Chang (2001), turut bersetuju bahawa ada diantara sekolah yang telah menggunakan kajian tindakan sebagai salah satu strategi dalam melaksanakan pengurusan pengetahuan. Beliau juga berpendapat bahawa ia banyak membantu dalam pelaksanaan pengurusan pengetahuan. Ini adalah kerana, kaedah tersebut dapat menghasilkan pembelajaran dan pembaikpulihan yang serta merta tetapi ia bukanlah proses pengurusan pengetahuan sepenuhnya.

Selain itu, sekolah juga menghadapi pelbagai masalah dalam pemerolehan pengetahuan *tacit* yang mana satu perkara yang sukar didokumenkan. Gottschalk (2005) berpendapat pengetahuan *tacit* telah bersemadi dalam rutin organisasi yang kompleks. Guru-guru di sekolah telah biasakan diri dengan melakukan segala tugas secara individu seperti kawalan kelas, menanda buku latihan dan kertas peperiksaan, menyediakan kertas peperiksaan dan sebagainya. Aktiviti-aktiviti ini tidak membantu dalam memupuk budaya berkongsi maklumat. Oleh yang demikian, banyak data atau informasi tidak dapat diperolehi kerana tiada satu jaringan kolaborasi di antara guru-guru.

Mc Dermott (1999), juga telah menyatakan bahawa satu perkara yang tidak dapat dinafikan ialah kepentingan teknologi maklumat. Sebaliknya pula berlaku di sekolah-sekolah. Guru-guru di sekolah jarang sekali berkongsi maklumat melalui kemudahan teknologi maklumat kerana segala perkara yang ingin dikongsi tidak mudah didokumenkan dan ia hanya memerlukan perhubungan sosial sesama guru-

guru dan staf sokongan lain. Pihak pentadbir dalam sesebuah sekolah pula perlulah menjadi teladan dalam menggalakkan jaringan kolaborasi diantara guru-guru yang lain dalam pelaksanaan pengurusan pengetahuan. Pada pendapat mereka, perhubungan ini memudahkan kefahaman serta pertukaran maklumat.

Walaupun teknologi maklumat menjadi pemangkin dalam perkembangan pengurusan pengetahuan, guru-guru belum sepenuhnya melengkapkan diri dengan pengetahuan dan pengaplikasian teknologi maklumat. Menurut Zainudin (2008), kursus-kursus teknologi maklumat yang dianjurkan masih tidak dapat menampung keperluan semua guru di sekolah kerana hanya segelintir guru yang berpeluang mengikuti kursus-kursus ICT yang dijalankan dari masa ke masa. Menurut Tan Hai Guan (2003), penggunaan teknologi maklumat dalam pengurusan pengetahuan dapat membantu seseorang dalam mengecilkan jurang kekurangan maklumat diantara pihak-pihak tertentu. Ia juga dapat memupuk satu budaya perkongsian maklumat yang efektif dan berkesan.

1.3 Pernyataan Masalah

Apa yang menjadi masalah di sekolah ialah proses pengurusan pengetahuan yang menyeluruh sukar dicapai. Sekolah ialah sebuah institusi yang mempunyai banyak data dan terkenal sebagai gedung ilmu. Ia adalah sebuah tempat yang strategik untuk menerokai pengetahuan pengetahuan baru. Namun, banyak data yang belum lagi diubah menjadi pengetahuan baru kerana terdapatnya budaya di sekolah yang hanya menggunakan pengetahuan tetapi tidak mencipta pengetahuan baru. Media-media yang menjadi pemangkin utama penciptaan pengetahuan baru di sekolah sudah tidak berperanan lagi. Papan-papan kenyataan yang memuatkan maklumat serta data-data tidak diuruskan dengan sebaik mungkin. Guru-guru turut tidak menunjukkan minat untuk melihat maklumat-maklumat yang dipaparkan di papan-papan kenyataan di sekolah masing-masing. Pengurusan maklumat di sekolah turut tidak teratur.

Kebanyakan guru di Malaysia masih tidak mengintegrasikan ICT dalam pengajaran dan pembelajaran walaupun telah sekian lama digesa oleh pihak yang berkaitan. E-pembelajaran masih tidak efektif. Ini turut disebabkan oleh kekangan guru untuk menghabiskan silibus. Selain itu, warga pendidik sentiasa memberikan alasan tidak ada kemahiran ICT untuk menggunapakai kemudahan ICT yang disediakan. Kursus-kursus yang dianjurkan oleh jabatan dan kementerian adalah terhad dan tidak semua guru-guru yang berkesempatan untuk mengikuti kursus-kursus tersebut. Malah, kursus-kursus kemahiran ICT yang disediakan kepada guru-guru tidak menyeluruh serta tidak berterusan. Di samping itu, kemudahan ICT di sekolah juga masih tidak mencukupi bagi menampung kegunaan guru-guru. Ini menyekat guru-guru memproses data-data yang diperolehi. Tambahan pula, guru-guru mengalami ketandusan ilmu dan kemahiran dalam bidang ICT. Keadaan ekonomi semasa yang tidak begitu memberangsangkan secara tidak langsung mengurangkan anjuran kursus-kursus serta bengkel pembangunan bagi guru-guru serta kakitangan awam. Realitinya, pengurusan pengetahuan memerlukan bantuan serta kerjasama semua golongan guru di sesebuah sekolah.

Kesimpulannya, guru-guru hanya menjalankan tugas sekadar memenuhi kehendak semasa murid-murid dan juga pentadbir. Mereka tidak menggunakan kepakaran dan kemahiran di sekolah. Sekolah tidak lagi digunakan untuk mencipta pengetahuan baru. Jika perkara ini berterusan, sekolah tidak akan dikenali sebagai gedung ilmu pada masa yang akan datang. Perkara ini mungkin disebabkan oleh guru-guru yang tidak berkemahiran ICT dalam menguruskan pengetahuan di sekolah. Keadaan ini telah mendorong pengkaji untuk membuat kajian tentang hubungan kemahiran ICT dengan pengurusan pengetahuan di sekolah-sekolah kebangsaan di Zon Skudai Daerah Johor Bahru.

1.4 Objektif Kajian

Objektif kajian ini adalah untuk:

- a. Mengetahui tahap kemahiran ICT dan pengurusan pengetahuan di sekolah rendah di Zon Skudai, Johor.
- b. Mengenalpasti perbezaan yang signifikan kemahiran ICT dan pengurusan pengetahuan berdasarkan faktor jantina, pengkhususan matapelajaran dan jenis sekolah di sekolah rendah di Zon Skudai, Johor.
- c. Mengenalpasti hubungan diantara tahap kemahiran ICT dengan pengurusan pengetahuan di sekolah rendah di Zon Skudai, Johor.

1.5 Persoalan Kajian

Persoalan kajian adalah untuk mengetahui:

- a) Adakah tahap kemahiran ICT guru-guru di sekolah rendah di Zon Skudai, Johor?
- b) Adakah tahap pengurusan pengetahuan di sekolah rendah di Zon Skudai, Johor?
- c) Adakah terdapat perbezaan kemahiran ICT(literasi komputer asas, penggunaan alatan dan perisian komputer, pengintegrasian ICT dan rangkaian hubungan) berdasarkan faktor jantina guru?
- d) Adakah terdapat perbezaan kemahiran ICT(literasi komputer asas, penggunaan alatan dan perisian komputer, pengintegrasian ICT dan rangkaian hubungan) berdasarkan faktor pengkhususan matapelajaran guru?
- e) Adakah terdapat perbezaan kemahiran ICT(literasi komputer asas, penggunaan alatan dan perisian komputer, pengintegrasian ICT dan rangkaian hubungan) berdasarkan faktor jenis sekolah guru?
- f) Adakah terdapat perbezaan dalam pengurusan pengetahuan (pengumpulan maklumat, penapisan dan penambahbaikan, penyimpanan dan pemerolehan

- semula, penyebaran pengetahuan, persembahan dan penggunaan pengetahuan baru) berdasarkan faktor jantina guru?
- g) Adakah terdapat perbezaan dalam pengurusan pengetahuan (pengumpulan maklumat, penapisan dan penambahbaikan, penyimpanan dan pemerolehan semula, penyebaran pengetahuan, persembahan dan penggunaan pengetahuan baru) berdasarkan faktor pengkhususan matapelajaran guru?
- h) Adakah terdapat perbezaan dalam pengurusan pengetahuan (pengumpulan maklumat, penapisan dan penambahbaikan, penyimpanan dan pemerolehan semula, penyebaran pengetahuan, persembahan dan penggunaan pengetahuan baru) berdasarkan faktor jenis sekolah guru?
- i) Adakah terdapat perhubungan yang signifikan di antara kemahiran ICT guru dan pengurusan pengetahuan di sekolah?

1.6 Hipotesis Kajian

Hipotesis kajian adalah untuk memastikan bahawa:

- Ho₁: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan diantara kemahiran ICT guru berdasarkan faktor jantina.
- Ho₂: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan diantara kemahiran ICT guru berdasarkan faktor pengkhususan matapelajaran.
- Ho₃: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan diantara kemahiran ICT guru berdasarkan jenis sekolah.
- Ho₄: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan diantara penggunaan pengurusan pengetahuan dengan faktor jantina guru.
- Ho₅: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam penggunaan pengurusan pengetahuan di sekolah berdasarkan faktor pengkhususan matapelajaran guru.
- Ho₆: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam penggunaan pengurusan pengetahuan di sekolah berdasarkan jenis sekolah guru.
- Ho₇: Tidak terdapat hubungan diantara kemahiran ICT guru dengan pengurusan pengetahuan di sekolah rendah Zon Skudai, Johor.

1.7 Rasional Kajian

Kajian ini dilakukan kerana tidak banyak kajian yang telah dilakukan dalam bidang ini. Apabila kajian kurang dilakukan, maklumat untuk dirujuk juga berkurangan. Kajian ini dilakukan bagi menambah maklumat berkaitan dengan pengurusan pengetahuan. Maklumat-maklumat yang diperolehi daripada kajian ini dapat membantu individu lain dalam membuat kajian lanjutan dalam bidang pengurusan pengetahuan.

1.8 Kepentingan Kajian

Hasil kajian ini diharap dapat membantu pelbagai pihak yang berkepentingan seperti jabatan pendidikan, sekolah dan guru-guru dalam melengkapkan diri dengan kemahiran ICT untuk menggunakan pengurusan pengetahuan dalam institusi pendidikan. Kajian ini turut dapat memberikan satu gambaran yang jelas kepada Jabatan Pelajaran Negeri tentang keperluan latihan serta kursus yang dapat meningkatkan produktiviti guru-guru.

Ini turut dapat membantu JPN dalam membuat perancangan strategik dengan memfokuskan kepada program-program pembangunan yang berguna. Satu sistem penyimpanan maklumat yang teratur dapat diwujudkan dengan melaksanakan pengurusan pengetahuan. Para pendidik dapat sentiasa menggunakan pengetahuan baru dalam aktiviti pengajaran dan pengajaran di dalam bilik darjah. Justeru, dapat meningkatkan minat dan kreativiti pelajar di dalam bilik darjah. Seterusnya, dapat meningkatkan prestasi sekolah masing-masing.

Guru-guru dapat mewujudkan satu budaya kolaborasi melalui perkongsian pengetahuan. Natijahnya, satu usaha kejayaan bersama dapat direalisasikan. Ia juga sejajar dengan matlamat aplikasi MSC yang mementingkan pengintegrasian teknologi maklumat dan komunikasi. Berharap kajian ini dapat membantu sekolah dalam menggunakan pengetahuan guru-guru yang amat berharga serta dapat

digunapakai dengan bijaksana dalam meningkatkan keberkesanan sistem pendidikan negara.

1.9 Skop Dan Batasan

Kajian ini dilakukan terhadap guru-guru sekolah rendah aliran harian di Zon Skudai, Johor. Kajian ini hanya melibatkan 6 buah sekolah daripada 91 buah sekolah rendah kesemuanya di Daerah Johor Bahru yang terdiri daripada sekolah kebangsaan, sekolah jenis kebangsaan Cina dan juga Tamil.


Kajian ini hanya tertumpu kepada 3 elemen kemahiran ICT. Ia terdiri daripada elemen literasi asas komputer, penggunaan alatan dan perisian komputer dan juga pengintegrasian ICT dan rangkaian perhubungan daripada Modul Latihan Kemahiran ICT UNESCO (2003).

Proses pengurusan pengetahuan pula hanya berfokus pada 5 dimensi penting daripada model Jennex dan Murray (2005). Pengurusan pengetahuan dalam kajian ini hanya bertumpu pada dimensi pengumpulan maklumat, penapisan dan penambahbaikan, penyimpanan dan pemerolehan semula, penyebaran pengetahuan dan seterusnya persembahan dan penggunaan pengetahuan baru.

Dalam pada itu, instrumen yang digunakan dalam kajian ini ialah soal selidik jenis tertutup. Maklumat yang diperolehi daripada responden mungkin tidak ikhlas kerana sikap manusia yang masing-masing ingin menunjukkan yang terbaik. Instrumen selain soalselidik seperti borang pemerhatian wajar digunakan bagi memperolehi data yang lebih lengkap dan spesifik.

1.10 Kerangka Konseptual Kajian

Dalam kajian ini latarbelakang responden turut diambilkira untuk melihat penggunaan pengurusan pengetahuan di sekolah. Manakala, tahap kemahiran ICT pula diambilkira untuk melihat penggunaan pengurusan pengetahuan di sekolah rendah seperti gambarajah 1.1 di bawah.



Rajah 1.1: Kerangka Konseptual Kajian

Rajah 1.1 menunjukkan kerangka konseptual kajian yang dilakukan. Maklumat-maklumat latarbelakang responden seperti jantina, pengkhususan matapelajaran dan jenis sekolah diambilkira dalam melihat perbezaan yang signifikan dalam ketiga-tiga elemen-elemen kemahiran ICT guru yang terdiri daripada literasi asas komputer, penggunaan alatan dan perisian komputer dan juga pengintegrasian ICT dan rangkaian perhubungan.

Ketiga-tiga faktor latarbelakang turut diambilkira dalam melihat perbezaan yang signifikan dalam 5 dimensi pengurusan pengetahuan. Kelima-lima dimensi pengurusan pengetahuan tersebut terdiri daripada pengumpulan maklumat, penapisan dan penambahbaikan, penyimpanan dan pemerolehan semula, penyebaran pengetahuan dan seterusnya persembahan dan penggunaan pengetahuan baru. Elemen-elemen kemahiran ICT dan dimensi-dimensi pengurusan pengetahuan turut mempengaruhi diantara satu sama lain dalam menentukan perhubungan kemahiran ICT dan pengurusan pengetahuan.

1.11 Definisi Kajian

1.11.1 Kemahiran ICT (*Information Technology and Communication*)

Mengikut Kamus Dewan (2007) edisi keempat, kemahiran bermaksud kecekapan atau kepandaian. Seterusnya kemahiran dikaitkan dengan pencapaian, penerapan atau manipulasi pengetahuan. Menurut Gottschalk (2005), ICT atau lebih dikenali sebagai teknologi maklumat dan komunikasi adalah teknologi yang berkaitan dengan pemerolehan, penyampaian, pemprosesan dan penyebaran maklumat melalui penggunaan teknologi komputer dan telekomunikasi. Kemahiran ICT dalam konteks kajian ini adalah kemahiran di mana pengguna memahami serta boleh menggunakan peralatan serta pengetahuan ICT dalam melaksanakan tugas di sekolah.

1.11.2 Pengurusan Pengetahuan

Menurut Nik Zafri (2008), pengurusan bermaksud proses-proses yang terlibat dalam sesebuah organisasi. Manakala, pengetahuan pula dihubungkan dengan sesuatu yang diketahui oleh seseorang secara daya kognitif dan berbentuk peribadi.

Pengurusan pengetahuan ialah satu proses memperoleh, pengubahsuaian, transformasi dan perkongsian pengetahuan (Alavi & Leidner, 2001).

1.11.3 Sekolah Rendah

Mengikut Kamus Dewan (2007) edisi keempat, sekolah rendah bermaksud sekolah permulaan yang disediakan untuk kanak-kanak yang berusia dari 7 hingga 12 tahun. Sekolah rendah yang dimaksudkan dalam kajian ini ialah sekolah kebangsaan, sekolah kebangsaan jenis Cina dan sekolah kebangsaan jenis Tamil di Zon Skudai, Johor.

1.12 Rumusan

Bab ini adalah sebagai pengenalan kajian. Aspek-aspek yang telah dibincangkan termasuk latar belakang masalah, pernyataan masalah, objektif kajian, persoalan kajian, hipotesis kajian, rasional kajian, kepentingan kajian, skop dan batasan serta kerangka dan penjelasan definisi umum dan definisi dalam konteks kajian.

RUJUKAN

- Alavi, M., & Leidner, D. E. (2001). Review: Knowledge management and knowledge management system: Conceptual foundations and research issues. *MIS Quarterly*, 25(1):107-136.
- Aliza Azhar. (2004). Reka Bentuk Dan ICT: Aplikasi Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Masa Kini. *Prosiding Seminar Aliran Terkini Dalam Pengajaran Sumber Dan Teknologi Maklumat 2004*. 12-23.
- AL-Hawamdeh, S. (2005). *Knowledge Management: Nurturing Culture, Innovation and Technology*. Singapore: World Scientific Publishing Co. Pte. Ltd.
- Azizi Yahaya, Jaafar Sidek Latif, Shahrin Hashim, Yusuf Boon dan Abdul Rahim Hamdan. (2005). *Menguasai Penyelidikan Dalam Pendidikan: Teori, analisis & Interpretasi data*. Kuala Lumpur. PTS Profesional Publishing Sdn. Bhd.
- Beijerse, R. P. (2000). Knowledge Management In Small And Medium-Sized Companies. *Knowledge Management For Entrepreneurs*. 4(2): 162-179
- Bhatt, G. D. (2002). Organizing Knowledge In The Knowledge Development Cycle. *Journal of Knowledge Management*. 4(1):15-26.
- Blender, S. and Fish, A. (2000). The Transfer Of Knowledge And The Retention Of Expertise: The Continuing Need Global Assignments. *Journal Of Knowledge Management*. 4(2): 125-137
- Boisot M.H. (1998). *Knowledge Assets: Securing Competitive Advantage in the Information Economy*. Oxford University Press.
- Brooking A. (1997). Intellectual Capital. *International Thomson Business Press*. London.
- Buey, H. S, Mohd Helmi and Tan, S.H. (2006). *Amalan Pengurusan Pengetahuan Di Fakulti Pengurusan Dan Pembangunan Sumber Manusia (FPPSM), Utm Daripada Perspektif Staf Akademik*. UTM: Tesis Sarjana Muda
- Bukowitz, W. R. and Williams, R. L. (1999). *The Knowledge Management Fieldbook*. Great Britain: Prentice Hall.
- Chao, T., Butler T. And Ryan P. (2003). Providing A Technology Edge For Liberal Arts Students. *Journal of Information Technology Education*. 2: 331-348.

- Chan, Foong Mae. (2002). *ICT In Malaysian Schools: Policy and Strategies*.
<http://unpan1.un.org/intradoc/groups/public/documents/APCITY/UNPAN011288.pdf>
- Charles, O. E. & Katherine (2002). Information Technologies for Knowledge Management: Their Usage And Effectiveness. *ITcon*. 7: 125-136.
- Combs, R., Hull, R. (1998). Knowledge Management Practices And Path Dependency In Innovation. *Research Policy*. 27: 237-253
- Davenport, T.H. and Prusak, L. (1998). *Working Knowledge*. Boston, Harvard Business School Press.
- David J. Skyrme (1997). *Knowledge management assessment: a practical tool from David Skyrme Associates*.
 available at: www.skyrme.com
- De Jarnet L. (1996). Knowledge The Latest Thing, Information Strategy. *The Executives Journal*. 12(2):3-5.
- Demerest, M (1997). Understanding Knowledge Management. *Journal of Long Range Planning*. 30(3): 374-84
- Drucker, P.F. (1993). *Post Capitalist Society*. Oxford: Butterworth-Heinemann
- Duffy, T.M. & Jonnassen, D.H. (1991). Constructivism: New Implications For Instructional Technology? *Educational Technology*. 31(5): 7-12.
- Emin Civi. (2000). Knowledge Management As A Competitive Asset: A Review. *Marketing Intelligence And Planning*. 18(4): 166-174.
- Filius, R., De Jong, J.A. and Roelofs, E.C. (2000). Knowledge Management In HRD Office: A Comparison Of Three Cases. *Journal Of Workplace Learning: Employee Counselling Today*. 12(7): 286-295.
- Fullan, M. (1996). *The New Meaning Of Educational Change*. New York: Teacher College Press.
- Frederick, J. G and Larry, B. W. (2004). *Statistics For The Behavioral Sciences*. 6th edition. Belmont, USA: Thomson Learning.
- Gartner Group. (2002), *KM History*. www.knowledge-portal.com
- Gottschalk, P. (2005). *Strategic Knowledge Management Technology*. USA: Idea Group Publishing.
- Grayson, C. J. and O'Dell, C. S. (1998). Mining Your Hidden Resources. *Across The Board*. April: 23-28

- Gupta, B., Lyer, L.S and Aronson, J.E. (2000). Knowledge Management: Practices And Challenges. *Industrial Management And Data System*. 100(1): 17-21
- Handzic, M. (2004). *Knowledge Management Through The Technology Glass*. Singapore: World Scientific Co. Pte. Ltd.
- Hedlund, G. (1994). A Model Of Knowledge Management And The N-Form Corporation. *Strategic Management Journal*. 15:73-90.
- Hibbard J. (1997). Knowing What We Know. *Information Week*. 20th October.
- John Wiley. (1997). *Strategic Learning And Knowledge Management*. 2nd Edition. Chchester.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (2003). Pembangunan Pendidikan 2001-2010. *Edisi Pelancaran*. Kuala Lumpur.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (2006). Pelan Induk Pembangunan Pendidikan 2006-2010. *Edisi Pelancaran*. Kuala Lumpur
- Kemp, A. (1979). *Current awareness Services*. London: Bingley.
- Kerlinge, F. N. (1973). *Foundation Of Behavioral Research*. 2nd edition. New York: Holt, Rinehart and Winston.
- Khalid Johari. (2003). *Penyelidikan dan Pendidikan: Konsep dan Prosedur*. Selangor: Prentice Hall.
- Krejcie, R.V. dan Morgan D.W. (1970). *Determining Sample Size for Research Activities*. *Educationl and Psychological Measurement*.30:607-610.
- Lang, J. C. (2001). Managerial Concerns In Knowledge Management. *Journal Of Knowledge Management*. 5(1): 43-57.
- Laudon, K., and Laudon, J. P. (1997). *Management Information System: New Approaches To Organization and Technology*. 5th Edition. Englewood Cliffs, New Jersey: Prentice Hall
- Macintosh, A. (1999). Knowledge Management Techniques: Teaching And Dissemination Concepts. *International Journal Human-Computer Studies*. 51: 549-596
- Marakas, G. M. (1999). *Decision Support System In The Twenty-First Century*. New Jersey: Prentice Hall
- Milbrath, Y. L. and Kinzie, M. B. (2000). Computer Technology Training For Prospective Teachers: Computer Attitudes and Perceived Self-Efficacy. *Journal of Technology and Teacher Education*. 8: 373-396.

- Molhotra, Y. (2000). *Knowledge Management & New Organizations Forms: A Framework For Business Mode Innovation*. Hershey: Idea Group Publishing
- McDermott, R. (1999). *Why information technology inspired but cannot deliver knowledge management*. *California Management Review*, 41(4), 103-118.
- Mohd Hanizam. (2003). *Personal Knowledge Management: The New Approach For Post Graduate Students To Improve Their Learning Skills*. Sarjana Sains (Teknologi Maklumat). Sintok: Universiti Utara Malaysia.
- Mohd Majid Konting. (1990). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Mohd Najib Abdul Ghafar. (1999). *Penyelidikan Pendidikan*. Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohd Najib Abdul Ghafar (2003). *Reka Bentuk Tinjauan Soal Selidik Pendidikan*. Skudai, Johor: UTM.
- Murray E. Jennex. (2005). *Case Studies In Knowledge Management*. Usa, Hershey: Idea Group Publishing.
- Nik Zafri (2008). *An Introduction To Knowledge Management. Malaysian Global Knowledge Management*.
- Nonaka, I. and Takeuchi, H. (1995). *The Knowledge-Creating Company*. Oxford: Oxford University Press.
- Norizan Ahmad. (2003). *Kemahiran dan Penggunaan Komputer Dalam Pengajaran Sains Di Sekolah Menengah: Lebih Banyak Persoalan daripada Jawapan. Konvensyen Teknologi Pendidikan Ke-16*. 13-16 Jun.
- Polanyi, M. (1997). *Personal Knowledge: Toward A Post-Critical Philosophy*. New York: Torchbook.
- Quintas, P., Lefrere, P. And Jones, G. (1997). *Knowledge Management: Strategic Agenda. Long Range Planning*. 30(3):385-391
- Reigelath, C. (1987). *Lesson blueprints based upon the elaboration theory of instruction*. Hillsdale, NJ: Erlbaum Associates.
- Ruggles, R. (2001). *KM at Ernst & Young UK: Getting Value Through Knowledge Flows. Business Innovation Newsletter: January*
- Sekaran, Uma. (2003). *Research Methods For Business: A Skill-building Approach*. 4th edition. USA: John Wiley and Sons Inc.
- Smith, E. A. (2001). *The Role Of Tacit And Explicit Knowledge In Workplace. Journal Of Knowledge Management*. 5(4): 311-321

- Stair, R. M. and Reynolds, G.W. (1999). *Principles of Information Systems: A Managerial approach*. 4th edition. Cambridge: Course Technology
- Standards Australia. (2001). *Knowledge Management: A Framework For Succeeding In The Knowledge Era*. Sydney.
- Stankosky M. (Ed.) (2005). *Creating the discipline of knowledge management*, Oxford. Elsevier Butterworth-Heinemann.
- Tan Hai Guan (2003). *Knowledge Management Practices in Organizations: Case Study Approach*. Sarjana Sains (Pengurusan). Sintok: Universiti Utara Malaysia.
- Wiersma, W. (2000). *Research Methods In Education: An Introduction 7th Ed.* Boston: Allyn & Bacon.
- Zainuddin Abu Bakar. (2008). *Kemahiran ICT di Kalangan Guru-Guru Pelatih IPTA Di Malaysia*. UTM: Tesis Sarjana.
- Zulkarnain. (1999). *Statistik Pengurusan*. Sintok: Penerbit Universiti Utara Malaysia.